



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI


PROSEDUR BAHARU: PERMOHONAN KURSUS PENGAJIAN BAHARU / TAMBAHAN

BAHAGIAN PENDAFTARAN DAN PIAWAIAN,
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PERANAN BAHAGIAN PENDAFTARAN DAN PIAWAIAN



STATISTIK INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)



KEPUTUSAN PEMANSUHAN MSA-IPTS



JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
Bahagian Pendaftaran dan Plawaian
Aras 5, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88706651
Faks: 603-88706656
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj Kami: JPT/BPP(K)1000-753Jld3 (18)
Tarikh : 21 Disember 2016

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI PEMANSUHAN MESYUARAT SARINGAN AWAL KURSUS PENGAJIAN/PROGRAM BAHARU

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2016 telah memutuskan bahawa proses saringan awal kursus pengajian/program baharu dimansuhkan.
- Sehubungan itu, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berhasrat untuk menawarkan kursus pengajian/program baharu hendaklah mengemukakan permohonan terus ke Unit Pendaftaran, Bahagian Kordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Panduan penyerahan permohonan boleh dirujuk melalui portal MQA (www.mqa.gov.my).
- Seterusnya, permohonan program baharu yang telah mendapat sokongan daripada MQA perlu dikemukakan ke Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk mendapatkan kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian/program tersebut berdasarkan penetapan dasar-dasar semasa serta selaras dengan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Pelaksanaan keputusan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.
- Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih,


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK PROF. DR. ROZIAH BINTI OMAR)
Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi (IPTS)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

PROSES KERJA (ASAL)

ALIRAN PROSES PERMOHONAN SARINGAN AWAL KURSUS PENGAJIAN / PROGRAM BAHARU
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA BERMULA 1 MAC 2016



*Keputusan MSA-IPTS akan dimaklumkan kepada IPTS oleh JPT.

PROSES KERJA (BAHARU)

TINDAKAN IPTS

IPTS Mengemukakan Borang MQA-01 Kepada Unit Pendaftaran, Bahagian Kordinasi Dan Rujukan Jaminan Kualiti, MQA Tanpa Melalui MSA-IPTS


TINDAKAN MQA

MQA mengeluarkan perakuan akreditasi sementara

TINDAKAN JPT

Mengeluarkan surat kelulusan / penolakan selepas IPTS mengemukakan permohonan bersekali dengan perakuan akreditasi sementara yang dikeluarkan oleh MQA

CARTA ALIR PERMOHONAN KURSUS BAHARU



SENARAI SEMAK PERMOHONAN KURSUS BAHARU

1. Borang permohonan (KP JPS (Kur I) / KP JPS (Kur II)
2. Salinan surat perakuan memenuhi keperluan kualiti bagi tujuan menawarkan program (Syor MQA)
3. Fee proses (atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi**) :
 - i. Sijil- RM1,000.00*
 - ii. Diploma- RM1,500.00*
 - iii. Ijazah dan ke atas- RM2,000.00*
 - iv. Ijazah dan ke atas – RM2,500.00 (bagi kursus perubatan/farmasi/pergigian)*

*Bayaran bagi fi kelulusan hendaklah dikemukakan setelah mendapat surat mohon fi daripada pihak Kementerian.
4. Salinan perakuan pendaftaran yang disahkan
5. Struktur yuran kursus pengajian
6. Satu salinan Memorandum Of Agreement (MOA) dan Memorandum of Understanding (MOU) bagi program kerjasama dengan Universiti rakan berkenaan yang disahkan (jika berkenaan)
7. Satu salinan pengesahan bagi program kerjasama dengan badan-badan profesional (jika berkenaan)
8. Satu salinan surat kelulusan dari Jabatan Pengajian Tinggi berkaitan kelulusan Y.B Menteri bagi program kerjasama

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KURSUS BAHARU

dengan universiti awam dalam negara yang disahkan (jika berkenaan)

- 9 Surat justifikasi menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab (jika berkenaan)

* Sila atur mengikut susunan

Sekian terima kasih.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

.....
(Tandatangan Pemohon)
(Nama & Jawatan)
Tarikh:

.....
(Tandatangan)
(Nama & Jawatan)
Tarikh:

KRITERIA UMUM PENILAIAN KURSUS BAHARU / TAMBAHAN

Masih dalam tempoh sah laku perakuan pendaftaran

Bagi institusi yang diluluskan penubuhan baharu / naik taraf, masih dalam tempoh 3 tahun selepas kelulusan

KRITERIA UMUM

Kursus pengajian bukan dalam tempoh moratorium

Berkaitan niche institusi yang diluluskan dan penekanan kepada 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA)

KRITERIA TAMBAHAN PENILAIAN KURSUS BAHARU / TAMBAHAN



UNIVERSITI/KOLEJ
UNIVERSITI

- Institusi Konvensional - Kursus ODL dibenarkan 30% dan kursus telah mendapat akreditasi penuh
- Institusi ODL - Kursus Konvensional dibenarkan 30% dan kursus telah mendapat akreditasi penuh
- Institusi Dual Mode – Tidak tertakluk pada peratusan tersebut



KAMPUS CAWANGAN
LUAR NEGARA

- *Mirror programme* dari kampus utama
- kelulusan senat jika berlainan daripada kampus utama



KOLEJ

- Tidak mempunyai kaitan syarikat dengan syarikat dari IPTS kerjasama
- Kursus kerjasama di dalam negara telah mendapat akreditasi

TEMPOH MASA BAGI PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU

TEMPOH/ PERINGKAT PENGAJIAN	SYARAT PENGAMBILAN PELAJAR	SYARAT MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PENILAIAN AKREDITASI KEPADA MQA
1 tahun	<p>Pengambilan pelajar bagi kursus pengajian ini hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh kelulusan ini. Sekiranya tiada pengambilan pelajar dibuat dalam tempoh tersebut, kelulusan pengendalian kursus pengajian ini adalah terbatal.</p>	<p>Pihak tuan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk penilaian pencapaian Akreditasi setelah kohort pelajar pertama menamatkan semester pertama pengajian.</p>
1 tahun < Kursus ≤ 3 tahun		<p>Pihak tuan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk penilaian pencapaian Akreditasi setelah kohort pelajar pertama memasuki semester pertama tahun akhir pengajian.</p>
Kursus > 3 tahun	<p>Pengambilan pelajar bagi kursus pengajian ini hendaklah dibuat dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan ini. Sekiranya tiada pengambilan pelajar dibuat dalam tempoh tersebut, kelulusan pengendalian kursus pengajian ini adalah terbatal.</p>	<p>Pihak tuan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk penilaian pencapaian Akreditasi setelah kohort pelajar pertama memasuki semester pertama tahun akhir pengajian.</p>
Kursus pengajian peringkat pascasiswazah secara penyelidikan		<p>Pihak tuan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk penilaian pencapaian Akreditasi setelah kohort pelajar pertama mengemukakan tesis penyelidikan.</p>

TERIMA KASIH